



## KENYATAAN MEDIA

### DUA PASUKAN UniMAP UNGGULI KEJOHANAN TENPIN BOLING TERBUKA UniMAP/CEN-D 2017

Subang, 18 September – Dua pasukan dari Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) mengungguli Kejohanan Tenpin Boling Terbuka UniMAP/CEN-D 2017 apabila mencatatkan jatuhuan pin tertinggi keseluruhan mengatasi 55 pasukan lain yang mengambil bahagian pada kejohanan selama tiga hari yang berakhir semalam.

Dalam kejohanan tersebut, pasukan UniMAP CEN-D yang diwakili oleh Nurakmal Ramli, Mohd. Zul Fauzi Mohd. Sawal dan Mahadzir Ali membuat 6,321 jatuhuan pin untuk muncul juara keseluruhan sekaligus membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM8,000.

Pasukan UniMAP Utarga pula yang turut diberi sambutan oleh Nurakmal, Mohd. Zulfauzi dan Mohd. Bakri Hussin menduduki tempat kedua dengan 6,316 jatuhuan pin manakala pasukan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) yang diwakili oleh Kang Bo Long, Wan Syahmi Razin dan Dzikri Adam di tempat ketiga dengan 6,245 jatuhuan pin.

Kedua-dua pasukan masing-masing menerima hadiah wang tunai RM4,000 dan RM2,000 yang disampaikan oleh Naib Canselor UniMAP, Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal pada majlis penutup di Ampang Superbowl, The Summit USJ di Subang Jaya di sini malam tadi.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Minda Teguh Trading yang mengeluarkan produk kesihatan CEN-D dan merupakan penaja kejohanan, Azizi Ali serta Pengarah Pusat Sukan UniMAP, Suhizaz Sudin.

Kejohanan disertai oleh lebih 200 pemain dari 55 pasukan mengambil bahagian termasuk pasukan-pasukan ternama antaranya pasukan dari SUKMA negeri-negeri, Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Majlis Bandaraya serta pasukan dari Universiti.

Permainan adalah berkonsepkan trio di mana setiap pasukan terdiri dari tiga pemain akan mengambil bahagian dalam acara individu, berpasangan serta tiga sepasukan yang dijalankan mengikut blok-blok yang telah ditetapkan.

Pemenang keseluruhan akan dikira berdasarkan jatuhan pin tertinggi bagi kesemua acara, manakala pemenang bagi setiap kategori acara yang dipertandingkan turut menerima hadiah berasingan.

Kejohanan turut disertai oleh 30 pemain dari pasukan media yang mengambil bahagian dalam kategori jemputan khas yang berlangsung sebelum majlis penyampaian hadiah.

Mohd. Jamilul Anbia Md. Denim, dari Harian Metro mengungguli kategori media dengan jatuhan 393 jatuhan pin; Boyd Madsam dari RTM di tempat kedua dengan 360 jatuhan pin manakala Rikiman Yusof dari KOSMO di tempat ketiga dengan 349 jatuhan pin.

**Dikeluarkan Oleh :**

**Suhana Abdul Mutalib**

**Pensyarah IKOM merangkap Pegawai Perhubungan Media Naib Canselor**

**([suhananmutalib@unimap.edu.my](mailto:suhanamutalib@unimap.edu.my))**

**012-9704209**